

PM ke Rusia rintis kerjasama pembangunan tenaga

Utara - 18/6/2007

Daripada AZIZ ISHAK

MOSCOW 17 Jun - Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selama tiga hari ke Rusia mulai esok dijangka merintis peluang baru dalam kerjasama dua hala menerusi sektor pembangunan tenaga.

Perkara tersebut dijangka disentuh dalam pertemuan antara Abdullah dan Presiden Rusia, Vladimir Putin serta diikuti mesyuarat delegasi yang dijadualkan berlangsung Selasa ini.

Difahamkan, ada syarikat Malaysia berminat untuk melabur dalam projek pemodenan dan pembinaan loji tenaga di Rusia melibatkan pelaburan sehingga AS\$2 bilion.

Jika pelaburan itu menjadi kenyataan, ia akan memperluaskan lagi penglibatan Malaysia di negara tersebut selepas Petronas melabur sebanyak AS\$1.1 bilion dalam syarikat minyak milik kerajaan Rusia, Rosneft.

Perkara-perkara lain yang dijangka dibincangkan oleh kedua-dua pemimpin tersebut ialah langkah untuk meningkatkan pencapaian ekonomi dan perdagangan dua hala.

Jumlah perdagangan dua hala Malay-

sia-Rusia mencecah AS\$1.133 bilion pada 2006, yang lebih memihak kepada Malaysia.

Lawatan Perdana Menteri ke Rusia merupakan yang pertama sejak beliau dilantik ke jawatan itu pada 2003. Abdullah diiringi isteri beliau, Datin Seri Jeanne Abdullah yang baru dinikahinya pada 9 Jun lalu.

Tidak kurang istimewa, lawatan Abdullah bertepatan dengan ulang tahun ke-40 jalinan diplomatik Malaysia-Rusia pada tahun ini.

Dengan lawatan tersebut juga, ia melengkapkan satu pusingan kunjungan beliau kelima negara kuasa besar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu Amerika Syarikat (AS), Britain, Perancis, China dan akhirnya Rusia.

Perdana Menteri akan mengambil kesempatan daripada lawatannya untuk menemui rakyat Malaysia termasuk dua calon angkasawan negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Dr. Faiz Khaled, yang sedang menjalani latihan sebagai persediaan ke Stesen Angkasa Lepas pada 6 Oktober ini.

Program penghantaran angkasawan itu adalah sebahagian kerjasama dalam bi-

Lawatan Perdana Menteri ke Rusia merupakan yang pertama sejak beliau dilantik ke jawatan itu pada 2003.

Abdullah diiringi Datin Seri Jeanne Abdullah

dang sains berikutan perjanjian pakej pembelian 18 pesawat pejuang terkini Sukhoi 30 MKM dari negara berkenaan.

Dalam pertemuan antara Abdullah dan Putin serta delegasi masing-masing, kedua-dua pihak dijangka turut menyentuh usaha meningkatkan lagi pencapaian kerjasama dalam bidang pendidikan, pelancongan, teknologi tinggi dan pertahanan.

Dalam pelancongan misalnya, jumlah pelancong Rusia ke Malaysia cuma mencatat 12,000 orang setahun berbanding ke Thailand kira-kira 200,000 orang.

Beberapa faktor telah dikenal pasti menyumbang kepada kurangnya pelancong Rusia ke Malaysia, antaranya tiada penerbangan terus menghubungkan kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin itu juga mungkin menyentuh isu-isu antarabangsa termasuk di Asia Barat dalam perbincangan mereka nanti.

Malaysia dan Rusia berkongsi pendirian dalam banyak isu antarabangsa.

Sempena lawatan tersebut, Malaysia dan Rusia akan memeterai perjanjian kerahsiaan maklumat berkaitan manual, operasi dan peralatan pertahanan tertentu yang dibeli dari negara tersebut.

Empat memorandum persefahaman juga akan dimeterai dalam bidang pendidikan.

Perdana Menteri turut dijadualkan mengadakan pertemuan dan dialog dengan para pelajar Malaysia. Terdapat hampir 2,500 pelajar Malaysia di Rusia pada masa ini, lebih 95 peratus mengikuti pengajian bidang perubatan.

Pada Rabu, Abdullah akan dianugerahkan Doktor Kehormat Causa daripada Moscow State Institute of International Relations sebagai menghargai sumbangan beliau dalam perhubungan antarabangsa.

Pada majlis yang sama, beliau akan menyampaikan ucapan utama bertajuk *Memperatkan Jurang Persefahaman Antara Islam dan Barat*.

- Utusan